

29 MAR 2005

MAHATHIR-MATA WANG

MATA WANG AS MUSTAHIL MENJADI KUKUH SEPERTI DAHULU LAGI

KOTA KINABALU, 29 Mac (Bernama) -- Mata wang AS mustahil untuk pulih dan kemungkinan tidak akan menjadi kukuh seperti dahulu disebabkan defisitnya yang besar dan kurang sokongan, kata bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

"Say telah mengkaji pergerakan mata wang AS. Melainkan defisitnya dikurangkan, mereka akan berhadapan dengan masalah yang serius dengan mata wang mereka," katanya.

Katanya, dolar AS telah turun nilai berbanding mata wang asing walaupun tidak berbanding ringgit, yang ditambah pada kadar RM3.8 bagi setiap dolar AS.

Dr Mahathir berkata, ketidaktentuan di dalam kadar pertukaran dolar AS berbanding mata wang asing perlu "dikendalikan, perbuatan lindung nilai tidak lagi mencukupi. Bajet dan harga perlu dikaji dari masa ke semasa dan pengurusan tunai menjadi bahagian yang penting."

Kini, bank pusat di seluruh dunia telah mengurangkan pegangan mata wang AS," katanya kepada pemberita ketika diminta untuk mengulas ucapannya di Persidangan ketua pegawai eksekutif Antarabangsa 2005 di sini, yang berharap hari ini.

Katanya, Malaysia kemungkinan bertukar kepada mata wang lain kerana dalam hanya satu tahun, rezab asing Malaysia telah meningkat kepada lebih RM70 bilion daripada RM32 bilion.

"Ini merupakan peningkatan dua kali dan peningkatan itu kemungkinan disebabkan memegang mata wang lain yang telah meningkat berbanding dolar AS" katanya.

Ketika ditanya sama peningkatan disebabkan prestasi ekonomi negara ini, beliau berkata, "sebahagiannya adalah disebabkan prestasi. Tetapi untuk meningkat dua kali di dalam tempoh yang singkat tidak mungkin berlaku disebabkan prestasi ekonomi semata-mata."

Dr Mahathir turut mengulangi cadangan penggunaan emas bagi perdagangan antarabangsa.

Beliau berkata, kerajaan kini mengendali mengenai konsesi yang diberikan Petronas kepada Shell untuk meneroka minyak di Laut Sulawesi yang didakwa Indonesia sebagai kawasannya.

Selain itu, Seorang pakar ekonomi Standard Chartered Bank, Singapura Steve Brice berkata, tidak mahal untuk melakukan perniagaan di Malaysia.

Bagaimanapun, beliau berkata, ia bukan berada pada skala yang sama dengan India dan China kerana Malaysia tidak mahu menjadi sebuah negara berkos rendah.

"Malaysia mahu para pekerja dibayar bagi kerja yang dilakukan mereka. Jadi cara Malaysia mengendalikan kos lebih kepada keefisienan persekitaran perniagaan daripada kos buruh berkenaan secara langsung," katanya ketika membentangan kertas kerjanya di persidangan itu.

-- BERNAMA

TNS SD AHM